

KEPENTINGAN ILMU NAHU DALAM MEMAHAMI TEKS SYARAK

[THE IMPORTANCE OF THE SCIENCE OF GRAMMAR (ILMU NAHWU) IN UNDERSTANDING SYARIAH TEXTS]

MOHD FAUZI ABDUL HAMID, ZULAZHAN AB. HALIM & MOHD FIRDAUS YAHAYA ¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA
Email: mohdfauzi@unisza.edu.my

*Corresponding Author: mohdfauzi@unisza.edu.my

Received Date: 10 November 2023 • Accepted Date: 23 December 2023

Abstrak

Setiap bahasa mempunyai kaedah tertentu yang perlu dikuasai untuk mengelakkan berlaku kesalahan dalam percakapan dan penulisan. Asas kepada perkara tersebut adalah dengan menguasai tatabahasanya. Setiap bahasa di dunia ini khususnya bahasa Arab sangat mementingkan tatabahasa demi memastikan bahasa digunakan dengan betul dan tepat. Ilmu nahu atau tatabahasa Arab merupakan teras paling utama dalam mempelajari bahasa Arab yang menjadi kunci untuk memahami al-Quran, Hadis dan hukum-hukum syariah. Tatabahasa Arab merupakan kunci untuk memahami ilmu-ilmu bahasa Arab. Pembelajaran tatabahasa adalah bertujuan untuk mengelakkan kesilapan berkaitan pembacaan dan kefahaman makna. Kesalahan tatabahasa boleh menyebabkan makna yang dimaksudkan tidak tepat dan mengakibatkan kesalahan yang besar dalam memahami teks-teks Arab yang kebiasaannya terdapat dalam buku-buku agama. Sarjana-sarjana dalam bidang bahasa menyatakan bahawa pembelajaran semua bahasa di dunia menitikberatkan aspek tatabahasa. Kajian ini cuba merungkaikan kepentingan ilmu nahu dalam memahami teks syarak yang menjadi sumber rujukan hukum, iaitu daripada al-Quran dan Hadis. Pemahaman dan penguasaan ilmu nahu sangat penting dalam memastikan sumber sesuatu hukum atau kefahaman dapat diperoleh dengan betul dan tepat.

Kata Kunci: Ilmu nahu, al-Quran, Hadis, teks-teks Arab, teks syarak

Abstract

Every language has certain methods that need to be mastered to avoid making mistakes in speaking and writing. The basis of the matter is to master its grammatical notion. Every language in the world, especially Arabic, is very concerned with grammar in order to ensure that the

language is used correctly and accurately. The knowledge of Nahu or Arabic grammar is the most important core in learning Arabic which is the key to understanding the Quran, Hadith and Sharia laws. Arabic grammar is the key to understanding Arabic language sciences. The goal of learning grammar is to steer clear of errors that arise when reading and comprehending text. Grammatical mistakes can lead to significant understanding errors when interpreting Arabic texts, which are typically found in religious books. They can also distort the intended meaning. Language scholars claim that grammar is emphasised in the study of all languages spoken worldwide. This study attempts to elucidate the significance of Arabic Grammar (Nahu) knowledge in comprehending the syarak text, which is derived from the Quran and Hadith and serves as a legal reference source. Understanding and mastery of Nahu knowledge is very important in ensuring that the source of a law or understanding can be obtained correctly and accurately.

Kata Kunci: Al-Quran, Arabic Texts, Arabic Grammar Knowledge, Hadith, Sharia Texts

Cite as: Mohd Fauzi Abdul Hamid, Zulazhan Ab. Halim & Mohd Firdaus Yahaya. 2023. Kepentingan Ilmu Nahu dalam Memahami Teks Syarak [The Importance of The Science of Grammar (Ilmu Nahwu) in Understanding Syariah Texts]. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 7(2): 87-94.

PENGENALAN

Al-Quran dan Hadis merupakan dua perkara penting yang menunjangi syariat Islam. Kepentingan al-Quran dan Hadis dapat dilihat dari sudut peranannya menghalang orang yang berpegang teguh dengannya daripada terjerumus dalam kesesatan, sebagaimana yang diriwayatkan daripada Saidina Ali bin Abi Thalib RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Aku telah meninggalkan untuk kamu dua perkara, jika kamu berpegang teguh kepada keduanya, nescaya kamu tidak akan pernah tersesat. Kedua perkara itu ialah kitab Allah dan juga Hadis Nabi-Nya." - Diriwayatkan oleh Imam Malik dalam al-Muwatta' (2013).

Al-Quran dan Hadis merupakan sumber utama kepada syariat Islam. Imam al-Syafie (t.th) berkata, "Sesuatunya pendapat itu tidak *thabit* dalam situasi apa pun kecuali dengan *Kitabullah* atau Hadis Rasul-Nya SAW. Selain daripada keduanya merupakan pecahan daripadanya. "Sumber utama syariat ini menggunakan bahasa Arab sebagai medium, sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Yusuf, ayat 2: "Sesungguhnya Kami telah menurunkannya Kitab itu sebagai al-Quran yang dibaca dengan bahasa Arab supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya." Firman-Nya yang lain juga dalam surah Ibrahim, ayat 4: "Dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya beliau menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka."

Sehubungan itu, sesiapa yang ingin memahami sumber utama syariat ini dengan baik, maka semestinya dia perlu menguasai ilmu bahasa Arab dengan baik. Dalam hal ini, Imam al-Syafie pernah berkata, "Ahli bahasa Arab merupakan (seperti) jin dalam kalangan manusia. Mereka nampak apa yang manusia tidak nampak." (al-Razi, 2003). Bahkan Imam al-Syafie sendiri mendalami ilmu bahasa Arab selama 20 tahun dengan tujuan agar ilmu bahasa Arab itu dapat membantunya dalam memahami agama (al-Khatib al-Baghdadi, 1996).

Ilmu bahasa Arab terbahagi kepada 12 jenis ilmu (al-Suja'i, t.th), dan ilmu nahu (sintaksis) merupakan jenis yang paling utama. Dalam hal ini, Imam Ibn Hazm (1981) berkata,

"Adapun ilmu nahu dan bahasa merupakan *fardu kifayah*, kerana Allah SWT telah berfirman: "Dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya beliau menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka dan telah menurunkan al-Quran ke atas Nabi-Nya dalam bahasa Arab yang nyata." Sesiapa yang tidak mengetahui ilmu nahu dan bahasa (Arab), maka dia tidak akan mengetahui bahasa yang Allah gunakan untuk menjelaskan tentang agama kita dan tujukan kepada kita. Sesiapa yang tidak tahu perkara tersebut (ilmu nahu dan bahasa), maka dia tidak akan tahu agamanya. Sesiapa yang tidak tahu agamanya, maka wajib ke atasnya untuk mempelajarinya, dan menjadi *fardu kifayah* juga ke atasnya untuk mempelajari ilmu nahu dan bahasa. Sekiranya ilmu nahu jatuh, maka jatuhlah kefahaman al-Quran dan Hadis Nabi SAW dan sekiranya ia jatuh maka jatuhlah Islam."

Melihat kepada kedudukan ilmu nahu yang tinggi berbanding ilmu bahasa Arab yang lain, kajian ini akan memfokuskan kepada kepentingan ilmu nahu dalam memahami teks *syarak*, di samping kupasan secara ringkas tentang pengertian dan sejarah ringkas ilmu nahu.

ILMU NAHU

Dari segi bahasa, perkataan *Nahu* membawa tujuh maksud, iaitu (al-Sabban, 1305H):

1. قصد (Tujuan)
2. تحريف (Melakukan ubah suai)
3. مثل (Seperti)
4. مقدار (Kadar)
5. بعض (Sebahagian)
6. جهة (Arah)
7. نوع (Jenis)

Menurut Ibn Durayd dan Ibn Faris (DIm. Kurdy & Darraji, 2016), makna pertama, iaitu قصد merupakan makna yang melahirkan makna nahu dari segi istilah kerana ilmu nahu mempunyai tujuan dan tujuannya adalah supaya orang yang mempelajarinya dapat bertutur dengan betul sebagaimana bangsa Arab bertutur.

Manakala dari segi istilah pula, ulama memberikan pelbagai pengertian (takrif) untuk ilmu nahu. Antara pengertian yang boleh digunakan ialah ilmu nahu merupakan suatu ilmu yang dapat diselidiki dengannya keadaan akhir perkataan sama ada dari segi fleksinya atau binaannya (al-Sabban, 1305H). Ilmu ini juga turut menyentuh beberapa aspek lain seperti kata yang merujuk kepada bilangan, gender, struktur ayat seperti *taqdim*, *ta'khir* dan sebagainya (Zahriah et al., 2016). Kajian tentang peraturan dan susunan kata dalam sesuatu ayat terangkum dalam ilmu tatabahasa Arab yang juga merupakan satu cabang ilmu linguistik bahasa Arab (Wan Rohani et al., 2017).

Ibn Khaldun (1981) menyatakan bahawa ilmu nahu merupakan teras paling utama dalam mempelajari bahasa Arab yang menjadi kunci untuk memahami al-Quran, Hadis dan hukum-hukum *syariah*. Hal ini selari dengan para pengkaji bahasa Arab yang mengakui pentingnya tatabahasa bagi menguasai sesuatu bahasa. Menurut Syed Mohd Annas et al. (2017), kelemahan penguasaan bahasa Arab secara keseluruhannya merupakan kesan daripada kegagalan memahami tatabahasa dengan baik.

SEJARAH ILMU NAHU

Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan pengkaji mengenai pengasas pertama ilmu nahu Arab. Pendapat yang paling masyhur mengatakan pengasasnya ialah Abu al-Aswad al-Du'ali (m. 69H) yang sezaman dengan Saidina Ali bin Abi Thalib RA. Terdapat juga riwayat yang mengatakan Abu al-Aswad mengasaskan ilmu ini atas saranan daripada Saidina Ali RA. Ilmu nahu bermula di Basrah, Iraq. Ia tercetus ekoran kelemahan bahasa Arab (اللعن) yang tersebar dalam masyarakat setelah ramai bukan Arab memeluk agama Islam dan hidup bersama dengan bangsa Arab. Apabila dilihat situasi ini boleh memberi ancaman dalam memahami al-Quran dan Hadis, muncul ulama dari Basrah yang mengambil peranan mengasaskan, memperkembangkan dan menyebarkan luas ilmu ini sehingga ia berkembang pesat dan akhirnya sejarah merakamkan sebanyak lima aliran atau mazhab nahu terbentuk dan saling berkait antara satu sama lain. Lima aliran tersebut ialah aliran Basrah, Kufah, Baghdad, Mesir dan Syam, dan Andalus. Aliran Basrah dan Kufah merupakan aliran yang utama. Manakala tiga aliran lagi ialah aliran yang datang terkemudian dan terkesan dengan aliran Basrah dan Kufah.

Jika dibandingkan antara aliran Basrah dengan Kufah, aliran Basrah merupakan aliran perintis dan wujud dahulu sebelum aliran Kufah. Jadual 1 berikut menunjukkan perkembangan kedua-dua aliran dan ulama yang memainkan peranan mereka pada setiap tahap perkembangan:

Jadual 1: Perkembangan Ilmu Nahu Aliran Basrah dan Kufah serta Ulamanya

الطور	الطبقة	نحاة البصرة	الطبقة	نحاة الكوفة
الوضع والتكوين	1	1. نصر بن عاصم الليثي (89هـ) 2. عنيسة بن معدان الفيل (100هـ) 3. عبد الرحمن بن هرمز (117هـ) 4. يحيى بن يعمر العدواني (129هـ)	←	-
الوضع والتكوين	2	1. عبد الله بن أبي إسحاق الحضرمي (117هـ) 2. عيسى بن عمر الثقفي (149هـ) 3. أبو عمرو بن العلاء (154هـ)	←	-
النشوء والنمو	3	1. الخليل بن أحمد الفراهيدي (172هـ) 2. الأخفش الأكبر (172هـ) 3. يونس بن حبيب (182هـ)	←	1. الرؤاسي (175هـ) 2. معاذ بن مسلم الهراء (187هـ)
النشوء والنمو	4	1. سيبويه (188هـ) 2. اليزيدي (211هـ)	←	1. الكسائي (189هـ)
النشوء والنمو	5	1. قطرب (206هـ) 2. الأخفش (211هـ)	←	1. الأحمر (194هـ) 2. الفراء (207هـ) 3. اللحياني (220هـ)
النضوج والكمال	6	1. الجرمي (225هـ) 2. أبو عثمان المازني (247هـ) 3. الرياسي (257هـ)	←	1. ابن سعدان (231هـ) 2. ابن الكيث (244هـ) 3. الطوال (243هـ)
النضوج والكمال	7	1. المبرد (285هـ)	←	1. ثعلب (291هـ)

Selain daripada ulama yang disenaraikan dalam Jadual 1 di atas, ulama nahu lain yang mewakili tiga lagi aliran antaranya ialah (al-Tantawi, 1987; Mohd Zaki & Che Radiah, 2011):

Baghdad: Al-Zajjaj (m.311H), Ibn al-Sarraj (m.316), al-Zajjaji (m.339H), Ibn Durustawayh (m.347H), al-Sirafi (m.368H), al-Farisi (m.377H), Ibn Jinni (m.392H), Ibn al-Anbari (m.327H), Ibn Khalawayh (m.370H), Ibn Qutaybah (m.267H), Ibn Kaysan (m.299H) dan Niftawayh (m.323H).

Mesir & Syam: Ibn Ya' is (m.643H), Ibn al-Hajib (m.646H), al-Muradi (m.749H), Ibn Hisham (m.761H), Ibn Aqil (m.769H), Ibn al-Sa'igh (m.776H), al-Kafiyaji (m.879), Syeikh Khalid al-Azhari (m.905H), al-Suyuti (m.911H), al-Ashmuni (m.929H) dan al Sabban (m.1260H).

Andalus: Ibn Mada' (m.513H), Ibn Kharuf (m.610), Ibn Usfur (m.663H), Ibn Malik (m.672), Ibn Ajurrum (m.733H), Abu Hayyan (m.745H) dan al-Syatibi (m.790H).

KEPENTINGAN ILMU NAHU

Kepentingan Ilmu Nahu dalam Memahami al-Quran

Menguasai ilmu nahu (termasuk ilmu sarf) merupakan antara syarat untuk menjadi seorang ahli tafsir (al-Suyuti, 1999). Hal ini demikian kerana fleksi atau binaan sesuatu perkataan memainkan peranan yang besar dalam memahami al-Quran. Sekiranya sesuatu fleksi atau binaan itu difahami secara salah, ia boleh mengubah makna dan mungkin boleh membawa kepada kekufuran.

Berikut adalah beberapa contoh yang menunjukkan kepentingan menguasai fleksi atau binaan dalam memahami al-Quran: Firman Allah SWT dalam Surah Fatir, ayat 28:

إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ

Dalam contoh di atas, pelaku (فاعل) kepada kata kerja يخشى ialah kata nama العلماء yang berada di akhir ayat, manakala lafaz *al-Jalalah* (الله) menjadi objek (مفعول به). Sekiranya berlaku kesilapan dalam membaca baris الله dengan *merafa'* kan (memberi baris depan), akan membawa perubahan besar kepada makna dan boleh membawa kepada kekufuran. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hasyr, ayat 24:

هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ

Dalam contoh di atas, huruf و, pada kata nama المصور mestilah dibaca dengan baris bawah yang bermaksud Allahlah yang membentuk. Sekiranya ia dibaca dengan baris atas, pembacanya boleh jatuh kafir sekiranya dia mengetahui dan melakukan dengan sengaja kerana dengan *memansubkan* (memberi baris atas) huruf tersebut, perkataan itu terus bertukar kepada makna Allah dibentuk (dicipta). Maha Suci Allah daripada sifat makhluk yang serba kekurangan. Firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah, ayat 3:

أَنَّ اللَّهَ بَرِيءٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ وَرَسُولُهُ

Perkataan رسولہ dalam ayat di atas tidak boleh dibaca baris bawah dengan maksud *ataf* kepada الله kerana sekiranya ia dibaca demikian, ayat ini bermaksud Allah SWT telah berlepas tangan dari kaum musyrikin dan Rasulullah SAW. Sehubungan itu, perkataan رسولہ hendaklah dibaca dengan baris depan sebagai permulaan kepada ayat baharu yang membawa maksud Rasulullah SAW juga berlepas tangan dari kaum musyrikin. Firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah, ayat 4:

قُلْ أَجَلٌ لَّكُمْ الطَّيِّبَاتِ ۖ وَمَا عَلَّمْتُمْ مِنَ الْجَوَارِحِ مُكَلِّبِينَ تُعَلِّمُونَهُنَّ مِمَّا عَلَّمَكُمُ اللَّهُ فَكُلُوا مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ

Sekiranya kita mengambil terjemahan ayat ini secara zahir nescaya binatang yang dilatih untuk berburu adalah halal dimakan kerana dalam ayat ini ia di'*atafkan* kepada الطيبات yang halal dimakan. Tetapi maksud sebenarnya bukanlah begitu kerana dalam ilmu nahu ada satu kaedah yang mengatakan bahawa dalam sesetengah keadaan, *mudhaf ilayh* boleh mengambil tempat *mudhaf*. Sehubungan itu, sebenarnya terdapat perkataan الصيد (buruan) yang dibuang sebelum perkataan ما علمتم yang menjadikan maksud sebenar ayat ini ialah "Dihalalkan untuk kamu (memakan) yang baik dan (buruan yang ditangkap oleh) binatang-binatang pemburu yang telah kamu ajar..."

Kepentingan Ilmu Nahu dalam Memahami Hadis

Menguasai ilmu nahu juga merupakan satu keperluan bagi sesiapa yang ingin memahami Hadis Nabi SAW. Bahkan ia juga menjadi syarat kepada penuntut ilmu yang ingin memahami Hadis Nabi SAW. Diriwayatkan daripada Waki' bahawa beliau berkata, "Aku mendatangi al-A'mash untuk mendengar Hadis daripada beliau, dan aku telah melakukan لحن (menggunakan bahasa Arab dengan salah). Lalu al-A'mash berkata kepadaku: Wahai Abu Sufyan, engkau telah meninggalkan belajar ilmu yang lebih penting daripada ilmu Hadis. Aku bertanya: Ilmu apakah yang lebih penting daripada ilmu Hadis? Beliau menjawab: Ilmu Nahu. Lalu al-A'mash mengajarku ilmu nahu, kemudian selepas itu (barulah) beliau mengajarku ilmu Hadis." (al-Khatib al-Baghdadi, 1996).

Untuk menjelaskan kepentingan menguasai ilmu nahu untuk memahami Hadis Nabi SAW, kajian ini membawa datang beberapa contoh hadis seperti berikut:

Sabda Rasulullah SAW: استوصوا بالنساء خيراً فإنهن عندكم عوانٍ yang bermaksud: Nasihatilah para wanita secara baik kerana mereka adalah penolong di sisi kamu. Asal kalimah عوان ialah عواني tetapi huruf ya' pada akhir kalimah dibuang kerana mengikut hukum ilmu sarf dan huruf nun dibaca dengan tanwin baris bawah. Namun masih ramai yang tersilap membacanya dengan marfu' iaitu عوانٌ kerana kelemahan mereka dalam ilmu sarf dan nahu.

Sabda Rasulullah SAW: إذا قال الرجل: هلك الناس، فهو أهلكهم yang bermaksud: Apabila seseorang berkata: Orang ramai telah binasa, sebenarnya dialah orang yang paling binasa dalam kalangan mereka. Perkataan أهلكهم datang dalam bentuk isim tafdil (أهلك) yang bermaksud orang yang paling binasa. Sekiranya dibaca dengan أهلك، maksud sabda Rasulullah akan silap difahami kerana أهلك adalah kata kerja mudhari' yang membawa maksud: dia telah membinasakan mereka.

Sabda Rasulullah SAW: لا يؤمن أحدكم حتى يحب لأخيه ما يحب لنفسه yang bermaksud: Tidak sempurna iman salah seorang daripada kamu sehinggalah dia menyayangi saudaranya sebagaimana dia menyayangi dirinya sendiri. Dalam kaedah bahasa Arab, perkataan يحب hendaklah dibaca dengan baris atas supaya perkataan حتى membawa maksud sehingga yang memberi maksud menyayangi saudara sesama Islam adalah syarat kesempurnaan iman. Tetapi sekiranya pembaca hadis ini tidak mahir ilmu nahu lalu membaca يحب iaitu dengan baris depan, maka perkataan حتى akan membawa maksud dan yang tidak menjadikan kasih sayang kepada saudara sesama Islam syarat kepada kesempurnaan iman.

KESIMPULAN

Ilmu nahu merupakan ilmu asas bahasa Arab yang perlu dikuasai oleh penuntut ilmu atau pengajar, pentazkirah dan guru takmir di Malaysia. Mereka tidak perlu menghafaz matan ilmu nahu seperti matan *Alfiyyah Ibn Malik* atau matan *al-Ajurrumiyah* walaupun sekiranya mereka mampu berbuat demikian, ia adalah tersangat baik untuk mereka. Cukup bagi mereka sekiranya apabila mereka membaca al-Quran, Hadis atau kitab agama dalam bahasa Arab, mereka mampu mengetahui *I'rab* setiap perkataan secara ringkas seperti mereka tahu di mana *mubtada'* dan *khavar*, adakah kata kerja itu dibaca dengan *bina' ma'lum* atau *bina' majhul*, di mana isim *Inna* dan khabarnya, di mana isim *Kana* dan khabarnya, dan begitulah seterusnya. Dengan menguasai ilmu nahu, mereka lebih mudah memahami al-Quran dan Hadis kerana mereka boleh merujuk terus kepada kitab ulama dan dapat membacanya tanpa baris dengan betul dan memahami maksudnya.

RUJUKAN

- Al-Khatib al-Baghdadi, Ahmad bin Ali. (1996). *Al-Fagih wa al-Mutafagghih*. Dammam: Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Razi, In Abi Hatim. (2003). *Adab al-Shafi'I wa Managibuhu*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sabban, Muhammad bin Ali. (1305H). *Hashiah al-Sabban 'ala Sharh al-'Ashmuni*. Cairo: al-Maktabah al-Khayriyyah.
- Al-Suja'i, Ahmad bin Ahmad. (t.th). *Hashiah al-'Allamah al-Suja'i 'ala Sharh al-Qatr li Ibn Hisham*. T.tp: T.pt.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din Abd al-Rahman bin Abu Bakr. (1999). *Al-Itgan fi 'Ulum al-Qur'an*. Cairo: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Al-Syafie, Muhammad bin Idris. (t.th). *Jima' al-'Ilm*. T.tp: Maktabah Ibn Taimiyyah.
- Al-Tantawi, Muhammad. (1987). *Nash'ah al-Nahw wa Tarikh Ashhar al-Nuhat*. T.tp: Dar al-Manar.
- Al-Traqi, Zayn al-Din Abd al-Rahman bin al-Husayn. (1991). *Al-Taqyid wa al-Idah*. Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- Ibn Hazm, Ali bin Muhammad. (1981). *Rasa'il Ibn Hazm*. Beirut: al-Mu' assasah al-Arabiyyah.
- Ibn Khaldun, A. R. (1981). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Dar al-Fikr.
- Kurdy, Waleed Hashim & Darraji, Ismail Habib Mahmoud. (2016). Ahammiyyah 'Ilm al- Nahw fi Fahm al-Nas al-Syar'i. *Mahiyat Fakultesi Dergisi*, 31-49.

- Malik bin Anas. (2013). *Al-Muwatta'*. Damascus: Mu'assasah al-Risalah.
- Mohd Zaki bin Abdul Rahman & Che Radiah bin Mezah. (2011). *Mukhtasar Pertumbuhan Bahasa Arab, Dialeknya dan Ilmu-ilmunya*. Serdang: Penerbit UPM.
- Syed Mohd Annas Syed Ab Hamid, Abdul Halim Mohamad, Mohd Sham Kamis, Maimun Aqsha Lubis & Amran Mat Arriffen. (2017). Kelemahan pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) dan sekolah agama menengah (SAM) dalam penguasaan topik terpilih dalam tatabahasa Arab. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(2), 67-78.
- Wan Rohani Wan Mokhtar, Mohd Zaki Abd. Rahman, Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Nor Hazrul Mohd Salleh. (2017). Penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar asasi universiti awam Malaysia. *Al-Basirah*, 7(2), 23-41.
- Zahriah Hussin, Nik Farhan Mustapha, Che Radiah Mezah, Pabiyah Toklubok @ Hajimaming & Nor Maliza Abd Rahim. (2016). *Kepentingan nahu Arab dalam menghafaz al-Quran*, 16(2), 95-110